

# 200 Tip Berhibur Gaya Rasulullah

صَلِّ اللَّه  
عَلَيْهِ  
وَسَلِّمْ

7.57  
HY

MUHAMAD HISHYAMUDDIN YAHYA

Mudah • Murah • Menyeluruh



No 12, Jalan DBP  
Dolomite Business Park  
68100 Batu Caves, Selangor, Malaysia  
Tel: +6 03 6188 0316 Faks: +6 03 6185 4960

Laman web rasmi PTS: [www.pts.com.my](http://www.pts.com.my)  
Kedai buku online PTS: [www.bookcafe.com.my](http://www.bookcafe.com.my)  
Facebook: [www.facebook.com/bukuPTS](http://www.facebook.com/bukuPTS)  
Twitter: [www.twitter.com/bukuPTS](http://www.twitter.com/bukuPTS)

© PTS Publishing House Sdn. Bhd.  
Terbitan Pertama, 2019.

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk, dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada PTS Publishing House Sdn. Bhd.

Perpustakaan Negara Malaysia Data pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Muhamad Hishyamuddin Yahya  
200 Tip Berhibur Gaya Rasulullah / Muhamad Hishyamuddin Yahya  
ISBN 978-967-481-256-0  
1. Prophets in the Qur'an.  
2. Islam ethics.  
3. Islam--Customs and practices  
I. Judul. II. Judul: dua ratus tip berhibur gaya Rasulullah.  
297.63

Penerbit berusaha sedaya upaya memastikan buku yang diterbitkan ini mengandungi maklumat yang tepat, dan berautoriti dari segi subjek yang dibincangkan. Penerbit dan penulis buku ini tidak boleh dianggap memberikan khidmat perundangan, perakaunan, ataupun khidmat profesional yang lain kepada pembaca. Sekiranya nasihat atau bantuan pakar diperlukan, sila dapatkan nasihat dan khidmat profesional daripada pakar yang berkelayakan.

Buku-buku terbitan PTS Publishing House Sdn. Bhd. boleh dibeli pada harga diskaun istimewa bagi kegunaan pelajar, promosi jualan, seminar, dan latihan korporat. Maklumat lanjut, sila hubungi bahagian Jualan dan Khidmat Pelanggan, PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

**Pengarah Penerbitan**  
Fauzul Na'im Ishak  
[fauzuln@pts.com.my](mailto:fauzuln@pts.com.my)

**Pengurus Besar**  
Mohd Ikram Mohd Nör Wazir  
[ikram@pts.com.my](mailto:ikram@pts.com.my)

**Penasihat Akademik**  
Profesor Emeritus Abdullah Hassan  
[profabdullah@pts.com.my](mailto:profabdullah@pts.com.my)

**Timbalan Pengurus Penerbitan**  
Wan Zuhairi Wan Zainuddin  
[wanzu@pts.com.my](mailto:wanzu@pts.com.my)

**Editor Perolehan**  
Amiratul Awatif Ghazali  
[awatif@pts.com.my](mailto:awatif@pts.com.my)

**Editor Kreatif Senior**  
Nawal Hakim Md Yusoff  
[nawalhakim@pts.com.my](mailto:nawalhakim@pts.com.my)

**Reka Kulif**  
Mohd Zaidi Ismail  
[zaidi@pts.com.my](mailto:zaidi@pts.com.my)

Diédarkan oleh:  
**PTS PUBLICATIONS &  
DISTRIBUTORS SDN. BHD.**  
Tel: +6 03 6188 0316  
Faks: +6 03 6189 0316  
E-mel: [sales@pts.com.my](mailto:sales@pts.com.my)

Di cetak oleh:  
**BS PRINT (M) SDN. BHD.**  
No 10, Jalan Indrahana 1, Off  
Jalan Kuchai Lama, 58100,  
Kuala Lumpur.

# 200 Tip Berhibur Gaya Rasulullah

صَلَّى  
عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ

MUHAMAD HISHYAMUDDIN YAHYA

PUSTAKA PERDANA



1012213

**PTS**

2019





# KANDUNGAN

Mengapa Gaya Rasulullah?	vii
<b>BAHAGIAN 1 : AKTIVITI KENDIRI</b>	<b>1</b>
Islam Agama Fitrah	2
Bolehkah Berhibur?	4
Hukum Berhibur	6
Syarat Hiburan dalam Islam	8
Niat dan Doa yang Betul	10
Nughair Si Pipit Abu Umair	12
Serius Masa Serius	14
Matamu Ada Keputihan	16
Jangan Banyak Ketawa	18
Nuaiman Membeli Hadiah	20
Nuaiman Menyembelih Unta	22
Ceria dengan Senyuman	24
Cerikan Wajahmu!	26
Mesra dengan Semua	28
Terasa Sulit? Solatlah	30
Rehat dengan Solat	32
Menonton Wayang?	34
Berhibur dengan Cerita	36
<b>BAHAGIAN 2 : BERHIBUR DENGAN AKTIVITI SOSIAL</b>	<b>38</b>
Berhibur Mendengar Lagu	40
Berhibur dengan Nyanyian	42
Bolehkah Menari?	44
Boleh Menari Cuma?	46
Berhibur dengan Pertandingan	48

Berhibur dengan Lumba Lari	50
Berhibur dengan Berenang	52
Berhibur dengan Berkuda	54
Berhibur dengan Memanah	56
Berhibur dengan Sukan Lasak	58
Berhibur dengan Pertahanan Diri	60
Islam Mengutamakan Kekuatan	62
<b>BAHAGIAN 3 : BERHIBUR DENGAN MASYARAKAT</b>	<b>64</b>
Berhibur Bersama Isteri	66
Berhibur Bersama Keluarga	68
Bergurau Tanpa Mengejek	70
Bergurau dengan Kanak-Kanak	72
Bergurau dengan Rakan-Rakan	74
Bergurau dengan Warga Tua	76
Berhibur Pada Hari Perayaan	78
Berhibur Ketika Menyambut Tetamu	80
Berhibur Ketika Diadakan Majlis 1	82
Berhibur Ketika Diadakan Majlis 2	84
<b>RUJUKAN</b>	<b>86</b>

“

*Demi sesungguhnya,  
adalah bagi kamu pada diri  
Rasulullah itu contoh ikutan yang  
baik, iaitu bagi orang yang sentiasa  
mengharapkan (keredaan) Allah dan  
(balasan baik) hari akhirat, serta ia  
pula menyebut dan mengingati Allah  
banyak-banyak (dalam masa  
susah dan senang).*

*(Surah Al-Ahzab, ayat 21)*

”





لقد كان لكم في رسول الله أسوة حسنة

**A**llah s.w.t. berkata dalam *Surah Al-Ahzab*, ayat 21, “Sesungguhnya pada diri Rasulullah s.a.w. itu suri teladan yang baik.” Nabi Muhammad s.a.w. diutuskan kepada umat manusia untuk dijadikan tauladan dan contoh kepada kita. Segala perkataan, perbuatan, dan ajaran Rasulullah s.a.w. memberi hikmah dan kesan yang positif dalam kehidupan seharian kita. Bermula dari awal pagi hingga kita menutup mata semula pada malam hari, sudah diberi contoh oleh Rasulullah melalui hadith-hadith baginda. Oleh itu, menjadi keutamaan kepada kita untuk mencontohi kehidupan baginda dalam hidup kita.

Buku *200 Tip Berhibur Gaya Rasulullah s.a.w.* ini menyajikan bagaimana cara berhibur yang benar menurut Islam. Islam tidak melarang umatnya untuk berhibur, malah ia diharuskan. Hiburan membantu manusia untuk menjadi lebih tenang apabila berhadapan dengan situasi tegang akibat daripada masalah harian yang ditanggung. Namun, hiburan ada batasnya yang perlu diambil berat. Jikalau batas hiburan yang digariskan Islam dilanggar, maka sesuatu hiburan itu boleh mengundang pelbagai keburukan lantas perkara itu membawa kepada haramnya hiburan itu.

Oleh itu, panduan dalam berhibur penting supaya hiburan yang dilakukan tidak melanggar batas syarak yang ditetapkan.



# BERHIBUR DENGAN AKTIVITI KENDIRI

Gaya Rasulullah

BAHAGIAN

## GAYA RASULULLAH

- 1 ISLAM  
AGAMA FITRAH
- 2 BOLEHKAH  
BERHIBUR?
- 3 HUKUM  
BERHIBUR
- 4 SYARAT  
HIBURAN DALAM ISLAM
- 5 NIAT DAN DOA  
YANG BETUL
- 6 NUGHAIR  
SI PIPIT ABU UMAIR

- 
- 
- 7 **SERIOUS**  
MASA SERIOUS
  - 8 **MATAMU**  
ADA KEPUTIHAN
  - 9 **JANGAN**  
BANYAK KETAWA
  - 10 **NUAIMAN**  
MEMBELI HADIAH
  - 11 **NUAIMAN**  
MENYEMBELIH UNTA
  - 12 **CERIA**  
DENGAN SENYUMAN
  - 13 **TENTERAM**  
WANG ATAUPUN SENYUM?
  - 14 **MESRA**  
DENGAN SEMUA
  - 15 **TERASA SULIT?**  
SOLATLAH
  - 16 **REHAT**  
DENGAN SOLAT
  - 17 **MENONTON**  
WAYANG?
  - 18 **BERHIBUR**  
DENGAN CERITA



Islam agama yang memuliakan fitrah. Segala syariat yang diaturkan untuk manusia semuanya selari dengan fitrah, tiada yang bertentangan dengannya. Dalam sebuah hadith sahih juga Rasulullah s.a.w. ada mengatakan bahawa setiap anak Adam yang lahir, dilahirkan dalam keadaan fitrah, iaitu Islam.

## Apa Kata Rasulullah?

*Tidak ada orang yang dilahirkan (di dunia) kecuali dalam keadaan fitrah. Maka orang tualah yang akan menjadikannya Yahudi, Nasrani, ataupun Majusi.*

(Hadith direkodkan oleh Imam Al-Bukhari dalam *Sahih Bukhari*, kitab *Al-Qadr*, bab *Allah A'lamu Bima Kanu Amilin*, no. hadith 6599, daripada Abu Hurairah, status sahih)

Islam tidak melarang sesuatu yang menjadi fitrah bagi manusia. Buktinya juga Allah s.w.t. berkata dalam surah *Ar-Rum*, ayat 30:

*(Selepas jelas kesesatan syirik itu), maka hadapkan dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) agama Allah, iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.*

Keperluan kepada hiburan juga adalah satu fitrah kerana ia dapat membantu manusia tenang daripada masalah yang dihadapi. Oleh itu, perlu kita faham bahawa oleh kerana Islam itu meraikan fitrah, maka Islam tidak melarang umatnya untuk berhibur menenangkan diri. Namun, perlu diingat Islam juga meletakkan garis panduan dalam hiburan.



## INFO

Ibnu Taimiyah membahagikan fitrah kepada dua:

1. Fitrah *Al-Gharizah*

Berupa nafsu, akal, dan hati nurani yang terbentuk dalam diri manusia sejak lahir lagi.

2. Fitrah *Al-Munazalah*

Berbentuk potensi luar manusia seperti wahyu Allah yang diturunkan Allah untuk membimbing fitrah *al-gharizah* berkembang sesuai dengan fitrahnya yang lurus. Semakin tinggi interaksi kedua fitrah ini, semakin tinggi kualiti manusia itu.



## TIP

Hiburan



**Tahu dan sedar** bahawa Islam adalah agama yang **meraikan fitrah**.



**2** Lakukan sesuatu yang memenuhi tuntutan Islam.



**Elak menerima dan meniru** budaya atau amalan **agama lain** membuta tuli.



**4** Bebaskan akal daripada fahaman yang sempit tentang Islam.



**5** Sebarkan Islam dengan hikmah dengan memenuhi **tuntutan fitrah** setiap manusia.

Pada bab sebelum ini disebutkan, berhibur itu dibolehkan kerana ia satu daripada fitrah manusia. Persoalannya, apakah bukti ia dibolehkan? Adakah Rasulullah s.a.w. sendiri berbicara tentangnya? Ringkasnya, Rasulullah s.a.w. pernah berkata kepada seorang sahabat yang bernama Hanzalah:

### Apa Kata Rasulullah?

*“Wahai Hanzalah, sekiranya kamu sentiasa dalam keadaan yang sama semasa berada denganku, pasti malaikat akan bersalaman denganku di jalanan. Tetapi wahai Hanzalah, seketika (serius), seketika (santai).”*

(Hadith direkodkan oleh Imam Muslim dalam *Sahih Muslim*, kitab *Al-Riqoq*, bab *Fadl Dawamu Al-Zikr Wa Al-Fikr Fi Umuri Al-Akhirah Wa Al-Muraqabah Wa Jawazi Tarki Dzalika Fi Ba'di Al-Awqoti Wa Isytighol Bi Al-Dunya*, no. hadith 2750, daripada Hanzalah, *status sahih*)

Hadith ini adalah nasihat Rasulullah s.a.w. kepada Hanzalah yang runsing memikirkan apakah dia menjadi seorang munafik. Ini kerana, apabila dia bersama Rasulullah s.a.w., dia tekun dengan ibadah. Tetapi, apabila jauh daripada Baginda s.a.w., dia berhibur. Jelas bahawa Rasulullah s.a.w. tidak melarang kita untuk berhibur, bahkan Baginda menyuruh kita untuk berehat seketika selepas lama bekerja ataupun beribadah. Manusia adalah ciptaan Allah s.w.t. yang sentiasa menghadapi kesukaran. Sepertimana ayat Allah s.w.t. dalam surah *Al-Balad*, ayat 4:

*Sesungguhnya Kami jadikan manusia sentiasa dalam keadaan menghadapi kesulitan dan kesukaran.*

Bayangkan bagaimana keadaan jikalau kita tidak boleh berhibur. Jiwa pasti bertambah resah kerana tiada sesuatu perbuatan pun yang boleh membantu melupakan masalah yang dibebani. Kualiti

kerja seharian juga berkurang akibat tekanan demi tekanan yang terpaksa dihadapi. Sebab itulah Islam membenarkan hiburan supaya umatnya tidak terbeban.



*Hiburkanlah hati dan carilah untuknya hikmah-hikmah yang menarik kerana hati juga berasa bosan seperti badan yang keletihan.*

- Saidina Ali r.a. -



**TIP**

Hiburan



**6** Tahu dan sedar bahawa **berhibur** itu **dibenarkan** dalam Islam.



**7** Fahami konsep **berhibur** dalam Islam, iaitu hiburan yang ada **panduan**nya.



**8** Usah **serius** sepanjang masa, **rehatlah** seketika dengan perkara-perkara yang ringan dan **santai**.



**9** Letakkan **hiburan** dalam kehidupan **sekadarnya**, jangan berlebihan.



**10** Bersyukurlah pada Allah s.w.t. kerana memberi **nikmat Islam** kepada kita.



Sudah disebut sebelum ini bahawa berhibur dibolehkan. Lebih jelas lagi, ia diharuskan dalam Islam berdasarkan dalil bab sebelum ini. Namun, ia juga ada batasan yang perlu dipatuhi supaya ia kekal dalam hukum harus. Ini bermakna, ia boleh jadi makruh dan haram dalam situasi tertentu. Rasulullah s.a.w. menyatakan dalam hadith yang membawa maksud harusnya berhibur:

### Apa Kata Rasulullah?

*Suatu hari, ketika Abu Bakar mengunjungi rumah Aisyah r.a. puteri kesayangannya, dia mendapati ada dua orang wanita menghiburkan Aisyah r.a. dengan alat muzik mizmar dan syair. Abu Bakar berkata dengan geram, "Kamu benar-benar kurang ajar, memainkan alat muzik syaitan di rumah isteri Rasulullah s.a.w." Rasulullah s.a.w. yang ketika itu mendengar kata-kata Abu Bakar di bilik sebelah, terus menemui Abu Bakar dan berkata, "Wahai Abu Bakar, biarkan mereka bermain muzik, hari ini adalah hari raya."*

(Hadith direkodkan oleh Imam Al-Bukhari dalam *Sahih Bukhari*, kitab *Abwabu Aidain*, bab *Idza Fatahu Al-Aid Yusolli Rokatain Wa Kadzalika Al-Nisa*, no. hadith 987, daripada Aisyah r.a., status sahih)

Namun ia ada batasan seperti cerita Al-Rubaiyi' binti Mu'awwiz:

"Rasulullah s.a.w. datang ke majlis perkahwinanku, lalu baginda duduk di tempat tidurku seperti engkau duduk. Beberapa orang gadis memukul kompang dan menyanyikan lagu kesedihan mengenang bapa mereka yang terbunuh semasa peperangan Badar sehingga seorang daripada mereka berkata, "Di sisi kami ada nabi yang mengetahui apa yang akan berlaku pada hari esok." Baginda berkata, "Jangan engkau kata begitu, katalah apa yang engkau katakan sebelum itu."

(Hadith direkodkan oleh Imam Al-Bukhari dalam *Sahih Bukhari*, kitab *An-Nikah*, bab *Al-Khutbah*, no. hadith 5147, daripada Muawwiz Ibnu Afro', status sahih)

Hadith di atas menjelaskan bahawa Rasulullah s.a.w. tidak menghalang umat Islam berhibur dengan menyanyi. Namun, Baginda s.a.w. menegur lirik lagu yang didendangkan. Lirik lagu itu jelas mengatakan Rasulullah s.a.w. tahu apa yang berlaku pada masa akan datang padahal hakikat sebenar, hanya Allah s.w.t. yang tahu apa yang berlaku pada hari esok.

Oleh itu, jelas bahawa hiburan dibolehkan selagi tidak melanggar batas-batas yang ditetapkan. Contohnya tidak menyentuh dan membicarakan akidah yang batil ataupun wujud unsur-unsur keganasan dan seks. Ia menjadi hiburan yang haram apabila menyebabkan kewajipan dan tanggungjawab sebagai seorang Muslim diabaikan dan gaya hidup orang kafir diagung-agungkan.



### TIP

#### Hiburan



**11** **Tahu dan sedar** bahawa **hiburan** dalam Islam **ada batasnya**.



**12** **Ketahui batas-batas** hiburan dalam Islam supaya **selamat** dari keburukan dan **fitnah**.



**13** **Jangan berlebih-lebih** dalam sesuatu hiburan yang dilakukan.



**Memohon ampun** kepada Allah s.w.t. atas **kelalaian** kita dalam berhibur.



**Jauhi hiburan** yang jelas mengandungi unsur-unsur **haram**.



**B**erhibur ada syarat dan batasannya. Hiburan jika dilakukan dengan cara yang betul akan memberi kesan yang baik seperti dapat merehatkan minda dan tubuh. Sebaliknya, jika dilakukan dengan cara yang salah, akan mendatangkan pelbagai kemudaratan bahkan mengundang dosa dan bala daripada Allah s.w.t. Antara dalil yang mengharuskan hiburan selain dalil-dalil dalam bab sebelum ini adalah:

### Apa Kata Rasulullah?

*Saidatina Aisyah r.a. berkata, "Pada hari raya, orang Habsyah bermain perisai dan senjata. Sama ada aku bertanya kepada Baginda ataupun Baginda yang mempelawaku, 'Adakah engkau mahu menyaksikannya?'" Aku menjawab, "Ya." Lalu Baginda mendukungku di belakangnya, pipiku bertemu dengan pipinya, Baginda berkata, "Silakan wahai Bani Arfidah." Sehingga aku mula bosan, Baginda bertanya lagi, "Cukup?" Aku berkata, "Ya." Baginda pun berkata, "Pergilah."*

(Hadith direkodkan oleh Imam Muslim dalam *Sahih Muslim*, kitab *Al-Solatu Al-Eidain*, bab *Al-Istia'zah Min Al-Jubni*, no. hadith 892 (19), daripada Aisyah r.a., status sahih)

Terdapat banyak jenis hiburan dalam kalangan masyarakat kita pada hari ini. Setiap jenis hiburan ini ada syarat dan batasnya sendiri. Antara hiburan yang popular dan sering diambil perhatian oleh masyarakat ialah nyanyian, lakonan, sukan, tarian, dan banyak lagi. Walaupun setiap jenis hiburan ini berbeza, namun syarat-syarat asas sesebuah hiburan itu tetap sama dan boleh digunapakai dalam semua jenis hiburan.

### Hiburan mengikut syariat Islam:

---

- Isi hiburan tidak bertentangan dengan akidah dan syariat Islam, tidak melalaikan, dan tidak mengandungi unsur maksiat.



- Tidak berlebihan dalam berhibur sehingga mengabaikan tanggungjawab dan kewajipan sebagai seorang Muslim.
- Tiada percampuran antara lelaki dan wanita ajnabi dalam berhibur.
- Hiburan perlu patuh tatasusila Islam, menjaga aurat, tidak menghairahkan, dan jauh dari fitnah.
- Natijah daripada hiburan itu harus mendatangkan sesuatu yang baik dan berkat. Contohnya melahirkan masyarakat yang tenang dan bahagia, baik akhlakunya.

\*Isi daripada khutbah bertajuk, *Hiburan mengikut Syariat Islam* diambil dari laman sesawang [http://www.iiu.edu.my/kkk/pdf\\_tazkirah/HIBURAN%20MENGIKUT%20SYARIAT%20ISLAM.pdf](http://www.iiu.edu.my/kkk/pdf_tazkirah/HIBURAN%20MENGIKUT%20SYARIAT%20ISLAM.pdf)



## TIP

### Hiburan



1

**Patuhi syarat-syarat** berhibur yang benar dalam **Islam**.



17

**Tinggalkan hiburan** yang **bercangah** dengan prinsip **Islam**.



18

Hanya **anjurkan hiburan** yang memenuhi **syariat Islam**.



19

**Cegah hiburan** yang **dilarang** yang berlaku **di sekitar kita**.



20

Pupuk **kesedaran** untuk **berpada-pada** dalam setiap perbuatan.

# 200 Tip Berhibur

Gaya Rasulullah



Mudah • Murah • Menyeluruh

BERHIBUR DENGAN CERITA 37

## Kebaikan Aktiviti Bercerita

Antara kebaikan aktiviti seperti ini adalah menyuburkan imaginasi, menyemai rasa empati, mencerdaskan minda, dan meningkatkan kemahiran bahasa pendengar.



*Storytelling is the most powerful way to put ideas into the world today.*

- Robert McAfee Brown -



TIP

Hiburan



86

Tonton dan dengarlah **cerita-cerita** menakjubkan yang mengandungi banyak **pengajaran**.



87

**Jauhi** menonton dan mendengar cerita yang **tidak berfaedah**.



88

Bagi ibu bapa, perengarkan **cerita-cerita menakjubkan kepada anak-anak** sejak mereka kecil lagi.



89

Apabila berdepan dengan **masyarakat**, kongsi cerita menarik yang **berfaedah**.



90

Saat **tertekan**, tidak salah menceritakan masalah. Namun, ceritalah kepada orang yang **boleh dipercayai**.



DAPATKAN VERSI eBOOK  
[pts.com.my/ebook](http://pts.com.my/ebook)



PUBLISHING HOUSE  
[pts.com.my/book](http://pts.com.my/book)

ISBN 978-967-481-256-0



9 789674 812560

Sem. Malaysia RM6.50  
Sabah/Sarawak RM7.50